

03 AUG 1997

Mahathir-kebersihan

DR MAHATHIR BIDAS RAKYAT YANG TAK TAHU JAGA KEBERSIHAN

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap masyarakat yang mengabaikan kebersihan sehingga menjejaskan imej negara.

Katanya, tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka memandangkan pelbagai usaha telah dilakukan kerajaan untuk mendidik rakyat menjaga kebersihan.

Sambil menyebut mengenai keadaan di Jalan Bukit Bintang di sini, katanya beliau tidak berpuas-hati dengan perbuatan membuang sampah-sarap seperti tin minuman dan puntung rokok di merata tempat di sepanjang jalan itu.

"Kita tak peduli kalau mereka nak duduk dan bersukaria tetapi jangan buat sampah," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

"Saya berasa malu kerana Nawaz Sharif buat komen kata Kuala Lumpur cukup bersih, lepas itu dia pergi ke Lot 10 (sebuah gedung perniagaan) semalam dan ketika berjalan balik ke hotel, dia nampak sampah sarap macam dengan hutan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri telah beberapa kali menegur sikap rakyat yang tidak menjaga kebersihan seperti membuang sampah sesuka hati termasuk di tempat rekreasi.

Beliau pernah menyatakan bahawa untuk menjadi negara maju bukan setakat meningkatkan pendapatan tetapi rakyat perlu menekankan aspek budaya termasuk menjaga persekitaran yang bersih.

"Pergilah dan lihat sendiri di sepanjang jalan (Bukit Bintang) itu ... malu kita dengan kelakuan macam itu.

"Kita nak ajar orang supaya bersih tetapi masih ada tak tahu macam mana nak jaga imej negara kita sendiri, orang semacam ini patut dikenakan tindakan keras.

"Dia ingat orang lain semua jadi kuli ke, nak suruh sapu sampah untuk dia. ... dia tak tahu jaga kebersihan bandar sendiri, nak buat kotor balik rumah buat kotor dalam rumah sendirilah," katanya. -- BERNAMA

AZZ AHH